

A Pilih kata ganti nama yang paling sesuai. Membaca : TP4

1 Wira dimarahi oleh guru _____ kerana _____ tidak menyiapkan tugas sekolah.

- A -nya...mereka
- B -nya...dia
- C dia...ia
- D dia...-nya

2 Guru besar memberikan ucapan semasa perhimpunan pagi. _____ menasihati murid-murid supaya belajar dengan bersungguh-sungguh.

- A Beliau C Ia
- B Dia D Kamu



3 "_____ datang dari mana?" tanya Cik Lina kepada pelancong itu.

- A Saudari
- B Saudara
- C Beliau
- D Dia

4 "_____ berkenan untuk mendengar masalah yang dihadapi oleh rakyat," kata hulubalang kepada rakyat jelata.

- A Hamba
- B Beta
- C Patik
- D Baginda

5 "_____ telah menjalankan tugas yang tuanku titahkan," kata bendahara kepada sultan.

- A Patik C Hamba
- B Beta D Baginda



6 Boon Seng belajar dengan bersungguh-sungguh. _____ bercita-cita untuk menjadi seorang saintis apabila dewasa kelak.

- A Dia
- B Kami
- C Saya
- D Beliau

7 Siti berkata kepada kerani di pejabat pos, "_____ ingin kirimkan bungkusan ini ke Kuala Lumpur."

- A Beta C Saya
- B Kita D Kami

8 "_____ hendaklah mematuhi arahan semasa berada di dalam perpustakaan," kata Aidid kepada kawan-kawannya.

- A Kita
- B Kami
- C Mereka
- D Engkau

- 9 Kanak-kanak yang berusia tiga tahun _____ baru kehilangan ibu bapanya.
A situ
B sana
C ini
D sini



- 10 "Di _____lah tempat kejadian kebakaran yang meragut nyawa tiga orang," kata Amin sambil menunjuk ke arah sebuah rumah.
A sini
B itu
C situ
D ini
- 11 Taman permainan yang terletak di sebelah _____ berhampiran dengan pondok pengawal keselamatan.
A ini
B sana
C sini
D itu

- 12 Jalan yang bengkok _____ sangat berbahaya apabila hujan lebat.
A sini
B itu
C sana
D situ

- 13 "Marilah duduk di _____," pelawa Swee Ling kepada adik-adiknya.
A sini
B ini
C itu
D begini



- 14 "Serahkan _____ barang berharga yang ada di dalam beg kamu kepada saya," kata perompak itu kepada Puan Lily.
A bila-bila
B apa-apa
C mana-mana
D siapa-siapa
- 15 Kamu boleh letakkan barang kamu di _____ sahaja.
A bila-bila
B apa-apa
C mana-mana
D siapa-siapa
- 16 _____ yang dijangkiti COVID-19 perlu menjalani kuarantin wajib selama tujuh hari.
A Bila-bila
B Apa-apa
C Mana-mana
D Siapa-siapa